



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“RASULULLAH SAW: MENGUNGGULI PERADABAN UMMAH”

29 September 2023 / 13 Rabiul Awal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal; semoga kita dilimpahi taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Sempena sambutan Maulidur Rasul 1445 Hijrah, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

“RASULULLAH SAW: MENGUNGGULI PERADABAN UMMAH”

Firman Allah SWT, ayat 164 surah Ali Imran:

﴿لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat Nya) kepada orang yang beriman setelah Dia mengutus seorang Rasul dalam kalangan mereka sendiri, yang membacakan ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan Nya) kepada mereka dan membersihkan (jiwa) mereka (daripada iktikad yang sesat) serta mengajarkan al-Kitab (al-Quran) dan al-Hikmah

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



(pengetahuan mendalam mengenai hukum-hukum syariat) kepada mereka. Dan sesungguhnya sebelum (kedatangan Muhammad) itu, mereka berada dalam kesesatan yang nyata.

Jemaah yang dilimpahi bimbingan Ilahi,

Sebuah negara Islam berjaya dibentuk di Madinah al-Munawarah, berasaskan perlembagaan bertulis Piagam Madinah, berpandukan bimbingan wahyu al-Quran, serta hadis Nabi SAW, dan amalan syura. Rakyatnya yang berteduh di bawah payung keadilan, yang takut kepada Allah, dan insaf akan adanya penghidupan akhirat selepas kematian, telah berjaya membangunkan masyarakat yang amanah dan ikhlas, berakhlak mulia dan beriman, serta berpengetahuan dan berkemahiran.

Tamadun Islam turut dibangunkan melalui kebijaksanaan Rasulullah SAW yang menekankan pembangunan insan. Ayat 164 surah Ali Imran yang khatib jadikan rujukan pada awal khutbah, menunjukkan Rasulullah SAW membina peribadi para sahabat dengan ditanamkan akidah yang sahih serta diajarkan ilmu tafsiran al-Quran sehingga melahirkan generasi yang mempunyai kekuatan mental, fizikal dan rohani sebagai persiapan memikul tanggungjawab mengembangkan Islam selepas ketiadaan Baginda. Ayat 164 surah Ali Imran turut menunjukkan bahawa tauhid berperanan penting mempengaruhi usaha pembangunan insan. Baginda SAW berusaha membebaskan akal dan jiwa manusia dari belenggu syirik dan dosa yang menghalang kemajuan akal dan kepintarannya.

Tamadun Islam lantas berjaya dibangunkan dan berkembang luas merentasi dunia. Syiar Islam tersebar luas kerana didukung oleh masyarakat yang menghargai ilmu dan berjaya melahirkan ilmuwan yang menguasai bidang-bidang politik, hubungan antarabangsa, undang-undang, ekonomi, perdagangan, perubatan, sains, teknologi dan ketenteraan.

Jemaah Rahimakumullah,

Maulidur Rasul mestilah disambut dengan penghayatan. Ummah harus bijak mentafsir sirah Baginda SAW lalu diamalkan dalam kehidupan. Ummah wajib tampil dengan cita-cita mahu membina kemajuan baharu – mencipta sejarah baharu, bertekad melakukan perubahan diri untuk menjadi insan yang lebih berkualiti, dengan menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran diri, dan seterusnya menguasai pelbagai bidang



yang diperlukan. Ummah yang berjaya mengambil iktibar sirah Rasulullah SAW, ialah ummah yang bersedia meninggalkan tabiat usang – tabiat buruk, beralih kepada amalan dan kegiatan yang menumpukan usaha untuk kemajuan diri, agama, bangsa dan negara.

Peradaban yang unggul bermula daripada proses berfikir dan bertaakul. Akal yang dikurniakan Ilahi mestilah digunakan dalam kerangka tauhid yang mengesakan Allah SWT. Terkandung banyak ayat al-Quran yang menganjurkan ummah berfikir dan mengkaji, bertujuan memanfaatkan akal. Terkandung ayat-ayat al-Quran yang menyeru manusia memerhatikan burung yang terbang bebas di udara, ratu semut yang mengetuai kumpulannya, lebah yang menghasilkan madu, dan matahari dan bulan masing-masing pada orbitnya. Kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran bertujuan mahu melatih akal manusia untuk berfikir, merintis kajian, melakukan uji kaji dan mengusahakan penemuan baharu untuk memenuhi keperluan hidup. Ketekunan para sahabat Rasulullah SAW mempelajari, menghayati seterusnya menerokai kandungan al-Quran juga adalah asbab utama kepada berlakunya kemajuan tamadun.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Rasulullah SAW sangat meraikan pendapat dan pandangan para sahabat. Baginda sering kali bertanyakan soalan kepada para sahabat, membuktikan Baginda SAW melatih para sahabat untuk berfikir. Dalam peperangan Badar, al-Hubab bin al-Munzir mencadangkan kepada Baginda agar berpindah ke tempat yang lebih strategik yang membolehkan orang Islam menguasai bekalan air. Baginda bersetuju dengan saranan tersebut. Dalam urusan pemerintahan, seorang sahabat mencadangkan agar Baginda menggunakan cop mohor apabila mengutus surat kepada raja dan penguasa. Baginda bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengarahkan ditempa cincin perak yang diukir padanya cop mohor.

Baginda turut memperakukan kemahiran pendebungaan melalui amalan berasaskan sains tabii. Ketika Baginda menegur kaedah pendebungaan tamar yang dilakukan penduduk Madinah, kesannya, buah tamar pada musim tersebut kurang menjadi. Apabila dilaporkan keadaan tersebut, Baginda mengungkapkan, mafhumnya: “Kamu lebih mengetahui akan urusan keduniaan kamu”. Ini menjadi bukti, Baginda SAW amat menggalakkan umatnya membina kemajuan berdasarkan ilmu sains, teknologi moden serta apa jua ilmu yang mampu mempertingkatkan tatacara hidup ummah.



Oleh itu, ketika diberikan tanggungjawab melaksanakan fardu kifayah, kita dituntut melakukan kajian dan penyelidikan agar penemuan baharu yang bersifat lebih segar dapat dihasilkan, dan urusan kerja dapat ditingkatkan kecekapannya.

Para Tetamu Allah yang dimuliakan,

Tidak ada insan yang selayaknya lebih diimani dan diteladani melebihi kekasih Ilahi, Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian Nabi. Beriman dan meneladani pimpinan Rasulullah SAW merupakan sunah. Sempena sambutan Maulidur Rasul mimbar memilih untuk menyenaraikan sifat mithali Rasulullah SAW, peribadi terunggul yang diiktiraf oleh Allah SWT sebagai *uswatun hasanah* atau teladan yang baik; teladan yang sewajibnya dijadikan rujukan dan amalan dalam kalangan pemimpin semasa:

Pertama: Menonjolkan akhlak dan adab yang baik dalam segenap sudut kehidupan baik daripada segi percakapan begitu juga perbuatan. Baginda berbicara dengan penuh beradab, bersopan santun dan berhikmah; tidak mencerca, tidak mengumpat, jauh sekali daripada memfitnah atau menghina orang lain, termasuk terhadap orang yang memusuhi Baginda atau mengamalkan agama yang berbeza.

Kedua: Mengamalkan politik yang inklusif iaitu politik yang merangkumi, serta memberikan tempat dan layanan secara adil terhadap masyarakat berbilang kaum. Baginda menegaskan pentingnya semua insan diperlakukan dengan adil, tanpa mengira latar belakang kaum atau taraf sosial. Prinsip yang menjadi asas dalam masyarakat inklusif yang berjaya menggabungkan masyarakat pelbagai kaum hidup dalam aman, damai, dan harmoni; hasilnya Baginda diterima sebagai ketua negara oleh masyarakat pelbagai kaum, menjayakan konsep kepelbagaian dan kesatuan dalam peradaban Islam.

Ketiga: Sifat amanah dan tidak menyalahgunakan kuasa; tidak merompak atau mengaut khazanah negara untuk kekayaan diri, kekayaan keluarga dan kekayaan kroni.

Keempat: Melaksanakan pemerintahan bersandarkan undang-undang yang dilaksanakan secara adil – secara saksama, tanpa gentar, tanpa pilih kasih dan tanpa melindungi mana-mana pihak yang bersalah meskipun ahli keluarga atau sahabat.

Kelima: Menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada orang-orang yang layak dan berupaya melaksanakan tugas; bersifat amanah, jujur, ikhlas dan telus.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! kurniai kami dengan pemimpin yang menghayati dan mengamalkan sifat *uswatun hasanah* Rasulullah SAW, pemimpin yang senantiasa mengutamakan rakyat jelata, berupaya mendamaikan dan mengharmonikan kehidupan rakyat pelbagai kaum, serta senantiasa mengamalkan keadilan dalam pemerintahan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.